

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

BANK MUAMALAT TAWAR BANTUAN KEPADA PELANGGAN YANG TERKESAN AKIBAT BANJIR KILAT

Pelanggan terjejas diminta hubungi Bank Muamalat mengenai kekangan bayaran pembiayaan & penggantian Kad Debit secara percuma

Kuala Lumpur, 20 Disember 2021 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) amat mengambil berat tentang kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan individu dan perniagaannya di kawasan yang dilanda banjir di seluruh negara, susulan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, Bank Muamalat prihatin terhadap kesejahteraan pelanggannya yang terkesan berikutan banjir kilat yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan menjejaskan operasi perniagaan.

“Pelanggan yang terjejas boleh menghubungi Bank Muamalat untuk berbincang mengenai sebarang masalah berhubung urusan bayaran pembiayaan mereka sekiranya menghadapi kesulitan kewangan berikutan banjir yang melanda,” jelas Khairul.

“Di samping itu, pelanggan yang terjejas juga tidak akan dikenakan sebarang bayaran bagi penggantian Kad Debit Bank Muamalat mereka. Ini bagi meringankan beban yang dihadapi pada ketika ini,” ujar Khairul.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh melayari www.muamalat.com.my atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2600 5500.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mathini Raman | mathini.raman@muamalat.com.my | +6013 215 1922